

Nota dari Editor 2

MUNSYI: Jurnal Pengajian Sejarah keluaran Disember 2024 menerbitkan lima artikel yang membincangkan berbagai sudut dalam perkembangan sejarah di Malaysia sejak abad ke-16 sehingga abad ke-20. Secara umumnya, ia menyentuh tentang sumber sejarah, persempadan dan juga sejarah sosial yang berkaitan dengan masyarakat Islam dan juga perkembangan pendidikan di Malaysia. MUNSYI berpendapat semua artikel berkenaan adalah penting selari dengan isu dan perkembangan yang berlaku dewasa ini seperti meluasnya *pseudo-history*, isu geopolitik, ancaman kepada bahasa kebangsaan dan ajaran sesat.

Artikel pertama membincangkan berkenaan sejarah lisan yang masih dianggap sebagai satu sumber sejarah yang baharu masih belum diberikan perhatian meluas di Malaysia. Penulis merujuk kepada peristiwa sejarah yang berlaku semasa Perang Dunia Kedua dan menunjukkan bahawa sejarah lisan memainkan peranan penting bagi mengisi kelomongan yang berlaku dalam kajian sejarah ekoran daripada kekurangan sumber primer. Namun begitu, bagi mencapai objektif sejarah yang mementingkan kebenaran dan mengelakkan daripada ancaman *pseudo-history*, makalah ini menyatakan tentang keperluan untuk melakukan rujukan silang terhadap maklumat dari sejarah lisan. Jelasnya, metodologi dalam penyelidikan sejarah khususnya berkaitan keperluan menentu-sahkan kesahihan sumber perlu diambil perhatian.

Isu berkaitan geopolitik merujuk kepada kedinamikan politik antarabangsa dan kesannya kepada perkembangan di peringkat nasional. Dua makalah di dalam keluaran ini membincangkan tentang perkara ini. Makalah kedua tentang Sungai Bernam mengutarkan sejarah Sungai Bernam dalam pergolakan dan perebutan kuasa yang berlaku di antara Perak dan Selangor pada awal abad ke-19. Ia juga memperlihatkan tindak tanduk British di kawasan Sungai Bernam yang mencerminkan kesungguhan kuasa kolonial tersebut menjamin kedudukan mereka di dalam geopolitik antarabangsa. Ringkasnya, makalah ini memberikan maklumat berkenaan sempadan dan konflik berkaitan sempadan di antara Selangor dan Perak. Ia juga membawakan peringatan bahawa sejarah membuktikan bahawa pergolakan dalam membuka jalan kepada pihak luar untuk mengambil kesempatan.

Seterusnya, perbincangan berkenaan geopolitik diketengahkan dalam makalah berkaitan sempadan Perak. Penulis membincangkan kedinamikan geopolitik di kawasan yang dimiliki oleh Perak sebelum, semasa dan selepas zaman penjajahan. Makalah ini menunjukkan bahawa kepentingan geopolitik pihak yang terlibat di Perak memberi kesan kepada perubahan sempadan Perak sepanjang tempoh dari abad ke-16 sehingga abad ke-20. Makalah ini mencadangkan bahawa persempadan Perak, khususnya mulai daripada abad ke-19 dipengaruhi oleh British yang memainkan peranan utama dalam menentukan sempadan di Negeri-negeri Melayu. Jelasnya, sebagai kuasa kolonial, keputusan British dalam semua tindak tanduk mereka berkaitan sempadan Perak adalah berasaskan kepada kepentingan mereka di peringkat antarabangsa.

Pada September 2024, Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjalankan serbuan ekoran daripada laporan berhubung amalan ajaran sesat yang dikaitkan dengan Global Ikhwan Services and Business Holding (GISB). Berdasarkan kepada cerapan di media sosial, respon masyarakat kepada isu berbeza-beza kerana terdapat yang menyokong tindakan PDRM dan juga wujud golongan yang membela GISB. Makalah berkenaan ajaran sesat di Pulau Pinang menyajikan

maklumat berkenaan beberapa ajarn sesat di negeri berkenaan sejak 1970-1990. Secara umumnya, ajaran sesat muncul ekoran kemahuan pemimpinnya untuk memperkenalkan Islam dalam bentuk yang baharu. Perbincangan di dalam makalah ini menunjukkan bahawa walaupun terdapat percanggahan yang jelas di dalam ajaran sesat dengan perkara asas dalam agama Islam, namun ia masih diterima oleh sebahagian masyarakat. Jelasnya, kekurangan pendidikan agama menyebabkan ajaran sesat diterima dan diamalkan di Pulau Pinang. Penyataan ini bukan hanya terpakai di Pulau Pinang tetapi juga di seluruh Malaysia. Pendidikan sememangnya memainkan peranan penting dalam mengekang kepincangan daripada mengambil tempat di dalam masyarakat.

Makalah terakhir yang diterbitkan di dalam keluaran ini membincangkan tentang perkembangan pendidikan selepas tragedi 13 Mei 1969. Ia menumpukan kepada usaha untuk menjadikan pendidikan sebagai medium untuk meningkatkan perpaduan dan jatidiri dalam kalangan warga Malaysia. Penulis memfokuskan kepada peraturan yang mewajibkan pengajaran bahasa Melayu di semua sekolah di Malaysia dan masalah serta kesan daripada perlaksanaan peraturan tersebut. Kajian ini menunjukkan tindakan yang diambil berjaya menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang dikuasai di peringkat sekolah. Persoalannya, adakah kejayaan ini berterusan sehingga kini? Perkembangan yang berlaku menjelang abad ke-21 memperlihatkan banyak perubahan berlaku dalam masyarakat di Malaysia. Jelasnya, penerokaan dan penyelidikan yang mendalam berhubung perkembangan berkenaan akan membawa pemahaman yang baik bagi menangani isu yang timbul hari ini. Ia tidak hanya terhad kepada isu berkaitan bahasa Melayu dan kedudukannya tetapi juga isu lain yang berkaitan. Sehubungan itu, pihak jurnal ingin menjemput pembaca untuk menyumbang artikel, nota penyelidikan atau ulasan buku untuk diterbitkan.